

SALCODYL SYRUP

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Salbutamol/Guaiphenesin (1mg/50mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SALCODYL SYRUP
2. Bagaimana SALCODYL SYRUP berfungsi
3. Sebelum menggunakan SALCODYL SYRUP
4. Cara menggunakan SALCODYL SYRUP
5. Semasa menggunakan SALCODYL SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SALCODYL SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan SALCODYL SYRUP

SALCODYL SYRUP digunakan untuk melegakan batuk produktif dan masalah berdehit yang dikaitkan dengan radang paru-paru, demam selsema (jangkitan virus) dan jangkitan salur pernafasan akut.

Bagaimana SALCODYL SYRUP berfungsi

Salbutamol mengembangkan saluran pernafasan dan menghalang penyempitan saluran pernafasan pada dos yang tidak menghasilkan peningkatan degupan jantung yang ketara.

Guaiphenesin mempunyai tindakan ekspektoran yang meningkatkan pengeluaran cecair saluran pernafasan dengan mengurangkan kelekatkan dan ketegangan permukaan, dengan itu, memudahkan penyingkiran lendir. Ini mengubah batuk tidak produktif dan kering kepada batuk yang lebih produktif dan kurang kerap.

Sebelum menggunakan SALCODYL SYRUP

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan gunakan SALCODYL SYRUP jika anda mempunyai:
- Tekanan darah tinggi
- Kekurangan miokardium (ketidakupayaan jantung untuk melaksanakan fungsinya)
- Tiroid terlalu aktif

Mengandung dan menyusukan anak

Risiko dan manfaat perlu dipertimbangkan apabila digunakan semasa mengandung.

Tocolysis: kesan sampingan yang serius termasuk kematian telah

dilaporkan selepas penggunaan Salbutamol pada wanita bersalin. Pada ibu, ini termasuk peningkatan kadar denyutan jantung, gula tinggi dalam darah buat seketika, tahap kalium rendah dalam darah, degupan jantung yang tidak teratur, cecair berlebihan dalam paru-paru dan pengurangan aliran darah ke jantung. Peningkatan kadar jantung dan gula dalam darah yang rendah boleh berlaku pada janin dan bayi baru lahir akibat daripada pengambilan ibu.

Beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, cuba untuk hamil, fikir anda mungkin mengandung atau jika anda sedang menyusukan bayi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengguna

Salbutamol harus digunakan dengan berhati-hati jika anda mempunyai mana-mana daripada keadaan berikut:

- *Thyrotoxicosis* (hormon tiroid yang berlebihan dalam badan)
- Kencing manis
- Gangguan kardiovaskular (penyakit jantung atau saluran darah)
- Tekanan darah tinggi

Doktor anda akan merancang ujian berkala untuk memantau keseimbangan cecair, fungsi jantung dan pernafasan anda .

Keselamatan & keberkesanan belum dapat dipastikan pada kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ini termasuk:

- Monoamine oxidase inhibitor (MAOIs) untuk kemurungan
- Tricyclic antidepresan
- Beta-adrenoceptor blocking agent seperti propranolol atau oxprenolol
- Steroid
- Diuretik (pil air)
- Theophylline (untuk merawat asma)

Cara menggunakan SALCODYL SYRUP

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa:

2 hingga 4 sudu teh (10 ml - 20 ml) 2 hingga 3 kali sehari.

Kanak-kanak

2-6 tahun: 1 hingga 2 sudu teh (5 ml - 10 ml) 2 hingga 3 kali sehari.

6-12 tahun: 2 sudu teh (10 ml) 2 hingga 3 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan geletar, memerah, agitasi, rasa debaran jantung yang pantas, kadar degupan jantung yang pantas dan paras kalium yang rendah dalam darah.

Guaiphenesin: Apabila diberi secara oral pada dos yang tinggi, Guaiphenesin mempunyai kesan pengenduran pada otot rangka.

Semasa menggunakan SALCODYL SYRUP

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan SALCODYL SYRUP.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi SALCODYL SYRUP kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera
Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana ubat ini memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, SALCODYL SYRUP boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Salbutamol boleh menyebabkan rasa debaran jantung yang pantas, kadar denyutan jantung yang pantas dan geletar.

Guaiphenesin boleh menyebabkan ketidakselesaan gastrousus dan mengantuk. Dos yang sangat tinggi boleh menyebabkan loya dan muntah-muntah. Hipokalemia yang serius boleh berlaku hasil daripada terapi ini. Beberapa kesan sampingan diperhatikan berlaku dengan lebih kerap pada kanak-kanak 2-6 tahun, berbanding orang dewasa dan kanak-kanak yang lebih tua.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan SALCODYL SYRUP

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di dalam bekas bertutup rapat
Simpan di tempat kering di bawah 25°C

Lindungi daripada cahaya
Goncang sebelum digunakan

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap berwarna merah dengan perisa ros

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif
Salbutamol (sebagai Salbutamol Sulphate) dan Guaiphenesin

- Bahan-bahan tidak aktif
Sirap, Liquid Glucose, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Sodium Saccharin, Xanthan Gum, Perisa Ros, Red Raspberry, Deionised Water

- Nombor MAL

MAL19950247AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5, Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600 Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/03/2017

Nombor siri:

BPFK(R4/1)090317/00023